

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DERWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu 'lompat parti' di mana amarah rakyat telah tercetus sehingga Yang Berhormat digelar 'katak'. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen yang berlandaskan perlembagaan dan kedaulatan undang-undang, rakyat yang mengundi berhak sepenuhnya dalam membentuk dan memilih Kerajaan. Apakah tindakan Kerajaan kini dalam menghindari isu ini.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan berpandangan bahawa setiap warganegara masih dijamin hak untuk bebas berpersatuan yang selaras dengan Perkara 10(1)(C) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v Nordin bin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ 343.

Namun, sekiranya Kerajaan berpandangan terdapat keperluan untuk menggubal undang-undang lompat parti ini pada masa akan datang, sudah pasti kajian terperinci akan dilakukan termasuklah dengan mengadakan perbandingan *best practices* dengan negara-negara lain.

Kajian secara terperinci ini perlu dilakukan memandangkan perkara ini bercanggah dengan Perkara 10(1)(C) Perlembagaan Persekutuan iaitu hak membentuk persatuan dengan syarat ia tidak membabitkan soal keselamatan, ketenteraman awam atau prinsip moral. Pihak Kerajaan juga perlu mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak lain termasuklah badan bukan Kerajaan dan parti politik jika ianya hendak digubal kelak.

Sekian, terima kasih.